

Longkang runtuh di Kampung Kerinchi



Keadaan tebing longkang yang runtuh di Jalan Permai, Kampung Kerinchi, kelmarin.
(Foto Aiman Haris/BH)

Kuala Lumpur: Satu kejadian longkang runtuh sehingga mengakibatkan lubang besar berlaku di Jalan Pantai Permai, Kampung Kerinchi di sini, kelmarin.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam hantaran di Facebook semalam, memaklumkan sudah mengambil maklum mengenai kejadian berkenaan.

“Pihak DBKL sudah mengambil langkah awal seperti memasang tali keselamatan, *water barrier* dan kon di lokasi kejadian kira-kira jam 10 malam tadi (kelmarin),” katanya.